



Anwar bersama Ahmad Zahid ketika mesyuarat khas antara lain membincangkan situasi terkini di rantau Asia Barat di kediamannya, kelmarin. (Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)

Kerajaan pantau situasi, kesan konflik di Asia Barat

BERITA HARIAN 16 APR 2024 m/s: 2

Bertindak dengan bijaksana dalam usaha perkukuh kestabilan ekonomi negara

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan sedang memantau rapat perkembangan yang berlaku di Asia Barat ketika ini serta kedudukan pasaran kewangan, termasuk potensi dampak ke atas Malaysia, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, kerajaan akan bertindak dengan bijaksana bagi memperkukuh kestabilan ekonomi dan kewangan negara.

“Kerajaan juga mengambil kira sebarang faktor yang mungkin memberi kesan kepada rakyat,” katanya menerusi kenyataan di Facebook, kelmarin.

Kenyataan itu dikeluarkan selepas beliau hadir mesyuarat khas lewat petang kelmarin di kediamannya, antara lain bagi membincangkan situasi terkini di rantau Asia Barat.

Mesyuarat khas itu dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu serta pegawai tertinggi kerajaan.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, serangan dilancarkan Iran adalah tindak balas yang berpunca daripada serangan biadab Is-

rael ke atas kedutaan Iran di Damsyik, Syria baru-baru ini.

“Ini tentunya adalah pelanggaran yang nyata terhadap hukum dan undang-undang antarabangsa.

“Malaysia berpendirian semua pihak harus memainkan peranan untuk memastikan ketegangan di Asia Barat tidak terus memuncak demi kepentingan dan keamanan sejagat.

“Semua pihak mesti berusaha untuk mencapai penyelesaian dengan menamatkan pertelingkahan di rantau terbabit,” katanya. Sebarang jalur penyelesaian

yang dipilih kata Perdana Menteri, tidak akan berkekalan sekiranya keganasan yang sedang berlaku ketika ini tidak ditamatkan dalam kadar segera.

Kekal bersama Palestin

Dalam pada itu, Anwar berkata, Malaysia kekal teguh dengan pendiriannya untuk bersama dengan warga Palestin yang terus menanggung derita daripada kemelut ini.

“Sekarang adalah waktunya untuk semua pihak memainkan peranan dalam mendesak untuk menamatkan ketegangan,” katanya.

Ibadat & Fadilat

Anas Ibnu Malik RA berkata: Masyarakat jahiliah mempunyai dua hari raya setiap tahun yang pada hari berkenaan, mereka melakukan pelbagai permainan. Ketika Nabi SAW tiba di Madinah, Baginda bersabda: “Kalau dahulu kalian mempunyai dua hari raya yang kalian menyambut kedua-dua hari raya itu dengan pelbagai permainan, kini Allah menggantikan kedua-duanya dengan dua hari raya lebih baik, iaitu Aidilfitri dan Aidiladha.” (HR Nasa’i)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	6:01	1:21	4:29	7:28	8:38
Alor Setar	6:01	1:21	4:29	7:27	8:38
P. Pinang	6:02	1:21	4:30	7:27	8:37
Ipoh	6:00	1:18	4:29	7:24	8:34
Kuala Lumpur	5:59	1:16	4:27	7:21	8:31
Shah Alam	5:59	1:16	4:27	7:21	8:31
Johor Bahru	5:52	1:07	4:20	7:11	8:21
Kuantan	5:54	1:10	4:22	7:15	8:25
Seremban	5:58	1:14	4:27	7:19	8:29
Bandar Melaka	5:57	1:13	4:26	7:17	8:27
Kota Bharu	5:54	1:13	4:22	7:20	8:26
K. Terengganu	5:51	1:09	4:19	7:16	8:26
Kota Kinabalu	4:59	12:18	3:27	6:24	7:35
Kuching	5:27	12:42	3:55	6:46	7:56